

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian tentang cadangan negeri Sarawak untuk menubuhkan lima buah (5) '*International School*'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Seksyen 15 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], sekolah antarabangsa adalah di luar daripada sistem pendidikan kebangsaan.

Dalam konteks penubuhan sekolah antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan sekiranya terdapat cadangan untuk menubuhkan sekolah antarabangsa oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan Negeri Sarawak tertakluk kepada syarat dan prosedur yang telah ditetapkan oleh KPM, antaranya:

- (i) pemilikan oleh sebuah syarikat sendirian berhad yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan modal berbayar sekurang-kurangnya RM1 juta;
- (ii) cadangan premis dengan keluasan binaan sekurang-kurangnya 25 ribu kaki persegi dan 15 buah bilik darjah bagi sekolah

antarabangsa peringkat menengah. Premis juga perlu mendapat sokongan daripada tiga agensi iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pejabat Kesihatan;

- (iii) mendapat kebenaran melaksanakan kurikulum antarabangsa dan pentaksiran daripada badan peperiksaan yang berkaitan; dan
- (iv) mempunyai kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi mengikut ketetapan kurikulum yang digunakan.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 79 Akta 550, semua institusi pendidikan hendaklah berdaftar di bawah Akta 550 serta mematuhi semua peruntukan dan peraturan yang berkaitan termasuklah institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri.

Sekian, terima kasih.